

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Berita RTM

TARIKH : Ahad, 31 Mac 2019

BERITA RTM

Pemenang mencipta logo Melawat Malaysia 2020 diumumkan Mei depan



Foto : FB Mohamaddin Ketapi

KUALA LUMPUR - Pemenang bagi pertandingan mencipta logo Tahun Melawat Malaysia 2020 akan diumumkan pada Mei depan.

Pertandingan yang berakhir pada 24 Mac itu telah menerima 586 penyertaan.

Menurut Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Datuk Mohamaddin Ketapi, logo yang terpilih akan digunakan dalam mempromosi Tahun Melawat

Malaysia 2020 di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Larian Ulat Buku U-Pustaka di Dataran Merdeka.

Logo Tahun Melawat Malaysia 2020 sebelum ini telah menerima pelbagai respons negatif sekaligus ia telah dibuka semula untuk di buat pindaan agar lebih menarik dan segar.